

# Menyangkal Dakwaan Syi'ah Kontemporari terhadap Hadith *Sahih al-Bukhari* Berkenaan dengan Wanita Pendek Akal

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 98-105  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 3 Mei 2022  
Accepted: 22 Mei 2022  
Published: 30 Jun 2022

## [Refuting The Allegation by The Contemporary Shi'ite on a Hadith in The Sahih al-Bukhari Pertaining to Short-Sightedness of Women]

Muhamad Aidil Zali<sup>1</sup> & Mohd Nor Adli Osman<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.  
E-mail: abuamjad1@ymail.com

\* Corresponding Author: abuamjad1@ymail.com

### Abstrak

Kitab *Sahih al-Bukhari* adalah kitab hadith yang menghimpunkan kesemuanya hadith yang sahih. Justeru kedudukan *Sahih al-Bukhari* adalah yang paling tinggi berbanding kitab hadith yang lain. Namun begitu, golongan Syiah telah mengkritik hadith yang terdapat di dalam kitab tersebut, antaranya adalah hadith berkenaan wanita pendek akal. Oleh yang demikian, penulisan ini adalah bertujuan untuk menyangkal tuduhan yang telah diberikan oleh golongan Syiah terhadap hadith ini, yang telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap kefahaman hadith tersebut. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dan seterusnya menganalisis data-data tersebut berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian ini, mendapat golongan Syiah mempunyai kefahaman yang salah terhadap hadith ini secara umumnya dan kefahaman yang salah terhadap kesamarataan penciptaan lelaki dan wanita. Justeru, kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana dapat menjelaskan kecelaruan golongan Syiah dalam memahami teks hadith. Selain itu juga, dapat menjelaskan beberapa perbezaan antara akal wanita dan akal lelaki.

**Kata kunci:** Sahih al-Bukhari, Syiah, Pendek Akal, Wanita, Lelaki.

### Abstract

*Sahih al-Bukhari* is a book of hadith which compiles authentic hadiths. Hence, it reigns supreme to other books of hadiths. Nevertheless, the Shi'ite have criticized several hadiths contained within, among which is a hadith describing the short-sightedness of women. This writing therefore aims to refute their allegation on this hadith which has indirectly affected the comprehension of the said hadith. To achieve the objective, this study applies a qualitative research method by way of analysing relevant documents and thereafter analysing the data collected based on inductive and deductive methods. The study finds that the Shi'ite have a wrong understanding generally and wrong comprehension on equal creation of man and woman. As such, this study is of significance as it can enlighten their confusion in understanding the texts of hadith, in addition to elaborating the differences between the intellect of women to that of men.

**Keywords:** Sahih al-Bukhari, Shi'ite, Short-sightedness, women, men

**Cite This Article:**

Muhamad Aidil Zali & Mohd Nor Adli Osman. (2022). Menyangkal dakwaan Syi'ah kontemporari terhadap hadith sahih al-Bukhari berkenaan dengan wanita pendek akal [Refuting the allegation by the contemporary Shi'ite on a hadith in the Sahih al-Bukhari pertaining to short-sightedness of women]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 98-105.

## Pengenalan

Secara umumnya, pada awalnya Syiah adalah satu aliran yang terbentuk daripada ketidakpuasan dari sudut politik kerana mereka beranggapan bahawa Saidina Ali lebih berhak berada di dalam tampuk pemerintahan berbanding sahabat Nabi s.a.w yang lain. Namun begitu, situasi tersebut semakin parah sehingga merebak kepada masalah akidah akibat ketaasuhan mereka kepada Saidina Ali. Justeru, mereka telah menafsirkan beberapa ayat al-Quran maupun hadith Nabi s.a.w bagi menghalalkan pemikiran songsang mereka. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyah golongan Syiah adalah golongan yang paling “aktif” memalsukan hadith iaitu sebanyak 300 ribu hadith(Khalad; 2003). Justeru, menurut Ibn Hadid golongan Syiah adalah golongan yang pertama mencetuskan pemalsuan hadith.

Selain daripada pemalsuan dan penyelewengan hadith, mereka juga turut mempunyai kefahaman yang salah terhadap beberapa hadith. Daripada kefahaman yang salah tersebut, menyebabkan mereka telah mengkritik terhadap beberapa isu yang telah dinyatakan oleh Nabi s.a.w di dalam sesbuah hadith. Oleh yang demikian, sebagai contohnya adalah hadith berkaitan wanita pendek akal yang telah diriwayatkan oleh Abu Sa`id al-Khudri. Secara umumnya, golongan Syiah mempunyai kefahaman yang salah sehingga mereka telah menyatakan bahawa hadith ini sama sekali bertentangan dengan nas al-Quran.

Namun begitu, untuk menyatakan sesbuah hadith tersebut berbeza dengan nas al-Quran perlu melalui beberapa kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama hadith seperti menghimpunkan keseluruhan hadith terhadap sesuatu isu untuk menyatakan hadith tersebut bercanggah dengan al-Quran(Saleh al-Din; 2012). Ironinya, golongan Syiah tidak melalui jalan yang telah ditetapkan oleh para ulama hadith dalam kalangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam menilai sesbuah hadith.

## Gambaran Umum Matan Hadith

Dari Abu Sa‘id Al-Khudrī dia berkata: Rasulullah s.a.w pada hari raya Aidiladha dan Aidilfitri keluar menuju tempat solat, beliau melalui kawasan para wanita, maka Baginda s.a.w bersabda: “Wahai para wanita, hendaklah kamu bersedekah, sebab diperlihatkan kepadaku bahawa kamu adalah yang paling banyak menghuni neraka. Kami bertanya, apa sebabnya wahai Rasulullah s.a.w? Baginda s.a.w menjawab: Kamu banyak melaknat dan banyak mengingkari pemberian suami. Dan aku tidak pernah melihat dari tulang lelaki yang akalnya lebih cepat hilang dan lemah agamanya selain kamu. Kami bertanya lagi, wahai Rasulullah, apa tanda dari kurangnya akal dan lemahnya agama? Baginda s.a.w menjawab: Bukankah persaksian lelaki? Kami jawab, benar. Baginda berkata lagi: Itulah kekurangan akalnya, dan bukankah seorang wanita bila dia sedang haid dia tidak solat dan puasa? Kami menjawab, benar. Baginda s.a.w berkata: Itulah kekurangan agamanya”.(al-Bukhari; 2009)

Berdasarkan pemahaman pada hadith ini, Nabi s.a.w telah diperlihatkan semasa peristiwa *Israk* dan *Mikraj* tentang wanita banyak menghuni neraka seperti mana yang telah dinyatakan di dalam hadith di atas. Oleh yang demikian, kekurangan akal yang berada pada wanita bukanlah satu bentuk kekurangan yang terdapat pada mereka, tetapi ia sebagai bentuk peringatan supaya seseorang tidak menjadi fitnah disebabkan oleh mereka (Ibn Hajar; 2004).

## Kritikan terhadap hadith

Berdasarkan gambaran umum yang telah dinyatakan di atas, terdapat beberapa tokoh Syiah telah mengkritik hadith ini dengan kritikan dan kefahaman yang salah:

- a. Jaafar al-Subhani mengkritik, berkata: “Sesungguhnya Allah menyamaratakan penciptaan dan pembentukan akal antara lelaki dan perempuan, maka tiada beza padanya kecuali atas usaha mereka sendiri samada baik atau buruk daripada kehendak dan ikhtiar mereka”. (Ja`far; 1998)
- b. Muhammad Sadiq al-Najmi mengkritik dengan mendakwa hadith jelas berlawanan dengan al-Quran kerana lelaki dan wanita adalah sama sahaja menurut Al-Quran. (Muhammad; 1998)

Keraguan yang ditimbulkan dalam hadith ini ialah:

- a. Hadith ini bertentangan dengan al-Quran kerana samada lelaki dan perempuan adalah sama menurut al-Quran.
- b. Pendapat wanita kurang akal dan agama adalah memalukan mereka.
- c. Hadith Nabi berbentuk gurauan pada hari raya.
- d. Tiada beza pada penciptaan antara akal lelaki dan perempuan seperti yang disebut pada hadith tersebut.

## Sangkalan terhadap Kritikan ke atas Hadith

Berdasarkan kepada beberapa kritikan yang telah ditimbulkan oleh para pimpinan Syiah, maka terdapat jawapan bagi menyangkal kritikan daripada golongan tersebut yang tidak berasas:

Pertama: Pandangan bahawa hadith ini bertentangan dengan al-Quran kerana lelaki dan wanita adalah sama menurut al-Quran adalah tidak benar dan boleh dijawab dengan hujah berikut: Adalah benar menurut kaedah umum bagi lelaki dan perempuan dalam al-Quran adalah sama dan seimbang dalam konteks hakikat dan kewajipan namun terdapat beberapa pengecualian. Allah s.w.t telah menyatakannya dalam pelbagai ayat al-Quran. Antaranya firman Allah s.w.t:

- a. ﴿وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ﴾

Maksudnya: Tetapi para suami mempunyai kelebihan di atas mereka. (al-Baqarah)

b. **أَنْفَقُوا مِنْ أُمُوْلَهُمْ (الرَّجُلُ فَوَّا مُؤْنَةً عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا**

Maksudnya: Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah memberikan nafkah dari hartanya.(al-Nisa)

Dari sudut hukum dan tanggungjawab antara lelaki dan perempuan, keduanya berkongsi pada kebanyakan hukum dan tanggungjawab. Namun terdapat beberapa perkara yang membezakannya contohnya persaksian 2 orang wanita menyamai nilai persaksian seorang lelaki, beberapa hukum yang dikhususkan pada perempuan seperti hak penjagaan anak, memakai hijab, tidak perlu solat dan puasa ketika haid, nifas dan lain-lain. Seiring dengan itu, ada juga tanggungjawab yang dikhaskan kewajipannya hanya kepada lelaki sahaja seperti jihad, nafkah, solat Jumaat dan solat jemaah dan lain-lain lagi.

Kedua: Pandangan kurangnya akal pada diri perempuan adalah memalukan mereka adalah pandangan yang salah kerana realitinya situasi perempuan dengan lelaki berbeza pada banyak perkara. Seperti yang sudah diketahui bentuk fizikal perempuan lebih lemah daripada lelaki secara umumnya, maka adakah kita mengatakan perempuan lebih lemah tubuh badan daripada lelaki adalah penghinaan kepada mereka? Adakah al-Quran menetapkan persaksian seramai 2 orang perempuan menyamai persaksian seorang lelaki termasuk juga sebagai satu penghinaan terhadap perempuan? Kenapa mengkritik hadith ini sedangkan al-Quran menunjukkan masalah ini berlaku pada situasi yang pelbagai dimensi?

Ketiga: Pandangan bahawa hadith yang disabdakan Nabi s.a.w ini adalah dengan tujuan bergurau merupakan satu takwilan. Hadith ini bertujuan sebagai nasihat dan bimbingan serta memberi peringatan kepada mereka bukanlah satu gurauan. Asal pada percakapan ianya adalah hakikat dan bukannya *majazi*. Jika kita mengatakan ianya *majazi* maka kita memerlukan bukti bahawa ianya *majazi*. Hadith menerangkan perkara ini dalam konteks nasihat, mengingatkan kepada api neraka, menggalakkan untuk bersedekah dan menunjukkan perkara tersebut tidak boleh dianggap sebagai gurauan.

Keempat: Pandangan bahawa tiada beza pada pembentukan akal lelaki dan perempuan adalah tidak benar. Sebelum berbincang tentang masalah ini dan menyebut kajian-kajian ilmiah, kita perlu berbicara tentang definisi akal dan kedudukannya.

## Definisi Akal

Secara umumnya, para sarjana Islam telah berbeza pandangan dalam meletakkan definisi akal. Sehinggakan al-Zarkasyi menyatakan terdapat seribu pandangan (al-Zarkasyi; 1992), antara pandangan paling terkenal adalah kata-kata Imam Syafie, iaitu beliau mendefinisikan seperti berikut: Akal adalah alat yang dicipta oleh Allah s.w.t untuk hambaNya bagi membezakan perkara-perkara baik dan lawannya (al-Zarkasyi; 1992). Muhammad Naim bin Yasin: Naluri daripada jiwa yang memberikannya peluang untuk mengetahui makna-makna dan memahami pertuturan”(Muhammad Naim; 2011)

## Fungsi Akal

Ramai pakar perubatan pula berpendapat bahawa akal adalah salah satu fungsi daripada fungsi otak iaitu mengetahui manusia sesuatu makna. Dengan akal manusia mengetahui kewujudan dan apa yang berlaku di sekitarnya. Lalu berfikir, mengingat dan menterjemah perasaan kepada otak melalui deria yang lima(Muhammad Naim; 2011). Menurut pandangan Ibn Taimiyah:

Fungsi akal adalah ianya mempunyai kaitan dengan otak dan jantung hati. Akal menjadi asas kepada jalan untuk berfikir dan secara tidak langsung menjelaskan pandangan di dalam otak, manakala asas kepada kehendak dan niat adalah di dalam jantung hati. Oleh yang demikian, yang dikehendaki tidak menjadi kehendak kecuali selepas digambarkan kehendaknya dan tempat berlakunya adalah di dalam otak. Boleh juga dikatakan bahawa jantung hati adalah tempat hidayah dan otak adalah tempat berfikir(Ibn Taimiyah; 2008).

Pengkaji berpandangan, bahawa ketiga-tiga elemen ini iaitu akal, jantung hati dan otak mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Pengkaji juga berpendapat, bahawa Ibnu Taimiyah telah membahagikan akal kepada dua bahagian iaitu akal hidayah yang terikat dengan hati dan akal untuk berfikir secara teori adalah terikat dengan otak. Apabila kami merujuk kepada konteks hadith (kurangnya akal dan agama), maka kami berpandangan bahawa konteks hadith yang merujuk kepada persoalan persaksian wanita yang dijelaskan oleh ayat al-Quran Adalah menekankan kepada masalah kelupaan dan mengingat seperti yang disebut al-Tabari dan permasalahan ini bertempat di otak (al-Tabrani; 2014).

(أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتَذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى)

Maksudnya: Agar jika yang seorang lupa maka yang seorang lagi mengingatkannya (al-Baqarah)

Adapun kedudukan akal juga berlaku perselisihan pendapat yang besar. Kelompok mazhab seperti mazhab Hanafi, Hanbali dan Muktazilah berpendapat bahawa akal tempatnya di otak dan dalilnya ialah apabila kepala diketuk dengan kuat, maka akan tergoncang dan terjejas akal. Orang Arab berpendapat orang yang berakal mempunyai otak yang sempurna manakala orang lemah mempunyai otak yang ringan iaitu tempat derianya. Manakala mazhab Maliki dan Syafie dan sebahagian mazhab Hanafi mengatakan tempatnya di jantung hati. Dalilnya berdasarkan firman Allah SWT:

(أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَنَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ إِذَا نَسِمْعُونَ بِهَا)

Maksudnya: Maka tidak pernahkah mereka berjalan di bumi, sehingga jantung hati (akal) mereka dapat memahami, telinga mereka dapat mendengar? (al-Haj)

Maka manfaat setiap anggota bergantung kepada danya maka manfaat akal untuk berfungsi adalah sama dengan manfaat hidung dan telinga.

## Perbezaan Akal Lelaki dan Wanita

Pengkaji menyatakan beberapa perbahasan dan kajian ilmiah yang menguatkan kebenaran hadith ini antaranya:

1. Dr. Alexus Carol menyatakan bahawa wanita berbeza dengan lelaki pada perbezaan yang besar. Setiap sel dalam tubuh badan mempunyai tabiat jantina mereka. Ini adalah urusan fungsi sistem dan sistem yang terpenting adalah sistem saraf. (Alexus Carol; 1980). Pendapat Dr. Carol menyokong perbezaan pada pembentukan otak di antara wanita dan lelaki.
2. Kajian penyelidikan perubatan menjelaskan bahawa otak lelaki mempunyai berat lebih kurang 1387 gram, iaitu lebih berat daripada otak wanita yang hanya 1245 gram. Kajian perubatan juga menemui bahawa purata saiz otak bagi lelaki ialah  $1350 \text{ sm}^3$  dan manakala otak wanita ialah  $1300 \text{ sm}^3$ . (al-Matrudi; 1990)
3. Penyelidikan ilmiah yang dijalankan di Universiti Concorde di Kanada mendapati bahawa otak lelaki melebihi otak wanita dalam aspek fokus dan penghususan. Maka lelaki boleh fokus untuk melakukan tugas tertentu tanpa mampu mengalihkan perhatiannya daripada kerja yang sedang dilakukan sehingga selesai. Manakala otak perempuan tidak dibantu oleh fokus yang besar tetapi fragmentasi idea-idea pada satu masa yang meningkatkan tahap kelupaan pada diri wanita. Allah SWT telah mengisyaratkan dalam firmannya:

﴿وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مَمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضْلَلَ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى﴾

Maksudnya: dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang wanita dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi wanita yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi.....(al-Baqarah)

4. Prof. Charles Morie menegaskan bahawa hakikat sains dan data statistik menunjukkan kewujudan perbezaan antara jantina dari aspek kepintaran. Beliau menyebut pemeriksaan matematik berfokus di Amerika (yang terpenting ujian SAT) menunjukkan bahawa nisbah kecemerlangan lelaki kepada orang yang berjaya daripada perempuan adalah nisbah 7 ke 1. Begitu juga nisbah orang yang berjaya mendapat anugerah nobel tidak melebihi 2% sahaja pada kurun ke 20. (al-Syuhud; 2019)
5. University Chicago di Amerika Syarikat pada tahun 1995 melaksanakan satu kajian yang merumuskan bahawa terdapat perbezaan hakiki pada kaedah operasi otak di antara lelaki dan wanita. Kajian ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh Prof. Larry Hedger dan rakan-rakanya. Mereka mendapati beberapa lelaki mengatasi wanita pada nilai kepintaran bermaksud bahawa skop kepintaran yang dicakupi lelaki lebih luas besar daripada wanita.

Kajian ini menyokong wujudnya perbezaan yang jelas di antara dua jantina. Walaupun setiap percubaan yang menyasarkan untuk mempromosi kesamarataan antara kedua jantina, pencapaian lelaki secara umumnya lebih baik dari pencapaian wanita dalam topik tertentu seperti matematik dan sains. Manakala wanita lebih cemerlang dalam kemahiran lisan dan adab. Ini menjelaskan kepada pakar ilmu lelaki di Amerika 7 kali lebih ramai daripada bilangan pakar ilmu wanita. (Lajnah Fatawa; 2010)

Tambahan lagi, perbezaan akal perempuan dengan akal lelaki dijelaskan oleh hadith lain yang mempunyai mukjizat ilmu iaitu wanita yang cemerlang adalah mempunyai salah satu jenis daripada pelbagai kecerdasan iaitu kecerdasan emosi. Nabi s.a.w menjelaskan dalam hadith bahawa perempuan mampu untuk memikat hati lelaki yang tegas dan menguasainya sehingga dipikat untuk suka kepadanya.

Kajian dan penyelidikan ini disokong dengan kejayaan wanita dalam aspek ini. Dr. Daniel Joleman daripada University Havard penulis buku “Kecerdasan Emosi” menyebut dalam buku ini kajian yang dilaksanakan oleh Leslie Brodie dan Judith Howl tentang perbezaan kecerdasan emosi antara dua jantina. Setiap hasil kajian mendapati anak perempuan berkembang dalam aspek bahasa dengan mudah dan cepat daripada anak lelaki. Ini menjadikan anak perempuan lebih cerdas dalam menzahirkan perasaan mereka dan lebih mahir daripada anak lelaki ketika menggunakan perkataan untuk menyatakan tindak balas emosi berbanding menolak secara fizikal.

Kajian juga menjelaskan ketika mereka sampai umur 13 tahun kelihatan perbezaan yang ketara antara dua jantina. Anak perempuan lebih banyak pengalaman daripada anak lelaki pada (seni taktik agresif) contohnya bergosip jahat dan berkonspirasi secara tidak langsung. Manakala anak lelaki masih melakukan penolakan fizikal langsung ketika marah. Inilah satu-satunya cara yang digunakan anak lelaki selepas dewasa, kurang berkembang berbanding jantina lawan yang menggunakan cara tidak langsung dalam kehidupan emotif. (Daniel; 1998). Dr. Daniel Holeman juga menegaskan bahawa seratus daripada kajian berakhir dengan penemuan perempuan lebih beremosi daripada lelaki atas sebab kemampuan mereka membaca perasaan yang tersembunyi dalam hati orang lain daripada rekasi muka dan suara dan lain-lain(Daniel; 1998).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, hadith ini tidak bertentangan dengan logik. Hadith ini menerangkan bahawa akal perempuan mempunyai kekurangan dalam beberapa kemahiran namun dalam masa yang sama golongan wanita mempunyai kecemerlangan dalam beberapa kemahiran lain (kecerdasan emosi). Kajian dan penyelidikan saintifik ini menyokong hadith berkenaan mengandungi mukjizat ilmu dan tidak bertentangan dengan logik dan sains.

## Rujukan

Allah, Khalad Kabir. (2003M). *Madrasah al-Kazibin fi Riwayah at-Tarikh al-Islami wa Tadwinuhu*, Cetakan Pertama. al-Jazaiz: Dar Balagh.

- Basmeih, Abdullah. (2010). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur. Dar al-Fikr.
- al-Bukhari. Muhammad bin Ismail. (2009). *Sahih al-Bukhari*. Beirut. Dar Ibn Kathir.
- Carol, A. (1980) *al-Insan zalika al-Majhul*. Beirut. Maktabah al-Ma`aruf
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (2004). *Fath al-Bari bi Syarah Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: `Abd al-Aziz bin Abd Allah bin Baz etc all. Kaherah. Dar al-Hadith
- al-Idlabi., Salih al-Din ibn Ahmad. (2012). *Manhaj Naqad al-Matan `Inda `Ulama al-Hadith al-Nabawi*. Dar al-Fath. Keherah.
- Lajnah Fatwa bi Syabakah al-Islamiyah,. (2010). *Fatwa al-Syabakah al-Islāmiyyah*. Kuwait
- Joleman, Daniel. (1998). *al-Zaka' al-'Atfi*. Kuwait. `Alim al-Ma`rifah.
- al-Najmi, Muhammad Sadiq. (1998). *Adwa' 'ala al-Sahihain*, Tahqiq: Yahya Kamali al-Bahrani. Cetakan Pertama. Qum. Musassah al-Ma`aruf al-Islamiyah
- al-Subhani, Jaafar. (1998). *Al-Hadith al-Nabawi baina al-Riwayat wa al-Dirayat*, Cetakan Pertama. Qum. Muasassah Imam al-Sodiq.
- al-Syuhud, 'Ali bin Naif. (2019). *Mausu 'ah al-Rad 'ala al-Mazahib al-Fikriah al-Mu'asarah*, al-Maktabah al-Syamelah 'ala Syabakah al-Internet
- al-Tabrani, Muhammad Ibn Jarir. (2014). *Jami` al-Bayan*. Tahqiq: Basyar `Awad. Beirut. Muasassah al-Risalah.
- Yasin, Muhammad Na'im. (2011). *Mabaḥis fi al-'Aqal*, Amman. Dar al-Nafas
- Zarkasyi al-Bar al-Din. (1992). *Bahru al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. Tahqiq: `Abd al-Qadir `Abd Allah al-`Ani. Kuwait. Dar al-Safwah.